

B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Cerpen – Oren

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sekarang, dia hanya menunggu kepulangan Oren. Dia ingin mengotakan janjinya kepada dirinya dahulu sewaktu membawa Oren pulang. Dahulu, dia berjanji untuk memelihara Oren seperti anaknya sendiri. Janjinya itu adalah untuk menebus kesalahan dirinya yang mengakibatkan Oren kehilangan ibunya. Segala egonya dahulu yang tidak membenarkan anak-anaknya memelihara kucing telah dipadamkan. Sebaliknya, dia yang membawa Oren pulang ke rumah.



Tetapi dia tidak menyangka bahawa selepas kehadiran Oren dia akan membawa pulang Kelabu sebagai sebahagian daripada ahli keluarganya. Kelabu ditemukan sewaktu anak kucing jantan itu mengekorinya yang sedang menuju ke kereta dan hendak pulang ke rumah. Dia memungut Kelabu untuk menjadi teman Oren bermain.

Pada mulanya dia menyamaratakan kasih sayangnya kepada kedua-duanya. Setelah dia melihat Kelabu menunjukkan reaksi yang lebih manja daripada Oren dan sering menarik perhatian, mereka sekeluarga lebih suka akan Kelabu. Oren yang lebih suka menyendiri dan pendiam semakin tersisih.

Hari terus berlalu. Kelabu terus menjadi perhatiannya kerana pada setiap kali dia pulang ke rumah, Kelabulah yang selalu menyambutnya sedangkan Oren hanya mengangkat kepala apabila melihatnya dan melihat tingkah laku Kelabu. Sejak kedatangan Kelabu juga, Oren selalu membiarkan Kelabu menjamah makanan dahulu dan setelah selesai barulah Oren makan sisa-sisa makanan yang ditinggalkan oleh Kelabu. Dia juga tidak pernah melihat Oren dan Kelabu bermain bersama-sama apatah lagi bergaduh.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)



Nota SMART

Nilai

- Sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang baik dan terpuji pada diri seseorang watak.
- Contohnya, baik hati, berdikari, kerajinan, rasional, dan hemah tinggi.

1. Apakah janji yang telah dibuat oleh 'dia'?
 - A Memanjakan Oren berbanding Kelabu
 - B Menjaga Oren seperti keluarganya sendiri
 - C Membenarkan anak-anaknya memelihara Oren
 - D Mencarikan teman untuk Oren sebagai pengganti ibunya
2. Mengapakah 'dia' memelihara Kelabu?
 - A Dijadikan kawan kepada Oren
 - B Menggembirakan hati anak-anaknya
 - C Menyambut kepulangannya dari pejabat
 - D Menebus kesalahannya kerana telah membunuh ibu Oren

Adakah Oren cemburu akan kehadiran Kelabu di rumah ini?

3. Nyatakan nilai yang terdapat dalam baris ayat di atas.
 - A Ketabahan
 - B Keprihatinan
 - C Belas kasihan
 - D Bertanggungjawab
4. Yang berikut merupakan perbandingan perwatakan Kelabu dengan Oren, **kecuali**
 - A Kelabu lebih jinak daripada Oren.
 - B Kelabu lebih pasif daripada Oren.
 - C Kelabu lebih manja daripada Oren.
 - D Kelabu lebih tangkas daripada Oren.



Praktis PT3 Drama – Hadiah

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- HAYATI: (Dari bawah) Mak, oh, mak! Mak, Yati dah balik. (HAYATI naik ke rumah.)
 PAK MAIL: Aku dengan emak kamu baru saja bercakap pasal kamu.
 HAYATI: (Bersalaman dengan ibu dan datuknya) Apa khabar, mak? Apa khabar, tuk? Ada mak terima surat Yati?
 FAUZIAH: Ada, Yati. Sudahkah kamu memberitahu guru asrama bahawa kamu hendak balik hari ini?
 HAYATI: Sudah, mak. Yati sudah memberitahunya dan Yati telah menceritakan segala-galanya.
 PAK MAIL: Eloklah begitu, Yati. Kamu mesti memberitahu guru asrama, kalau tidak, susah pula orang di sana. Tentang hal persekolahan, janganlah kamu bimbang. Datuk akan ikhtiarkan.
 HAYATI: Adakah peluang Yati untuk meneruskan pelajaran di sekolah itu, tuk?
 PAK MAIL: Tuk akan ikhtiarkan, Yati. Pada pagi tadi tuk sudah berjumpa dengan Datuk Penghulu. Tuk terangkan masalah kita.
 HAYATI: Di sekolah pun Yati sudah memberitahu Guru Besar, tuk. Beliau telah berjanji untuk menolong Yati.
 PAK MAIL: Baguslah, Yati. Moga-moga Tuhan akan menolong kita.
 FAUZIAH: Pergilah masuk, Yati. Tukar pakaian itu. Kalau engkau lapar, nasi ada di dapur.
 HAYATI: Mak dan datuk sudah makan?
 FAUZIAH: Datuk kamu sudah makan tadi. Kalau kamu nak makan, makanlah dulu. Mak akan makan kemudian.

ARAHAN: (HAYATI masuk membawa begnya ke dalam.)

Pak Mail : Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kitalah orang yang paling malang di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)



Latar

Terbahagi kepada tiga iaitu:

(a) Latar tempat – tempat berlakunya sesuatu peristiwa

(b) Latar masa – masa atau tempoh sesuatu peristiwa itu berlaku

(c) Latar masyarakat – kehidupan dan budaya hidup masyarakat

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh keluarga Pak Mail?

- A Keluarga Pak Mail kematian ahli keluarga.
- B Hayati menghadapi masalah untuk tinggal di asrama.
- C Hayati menghadapi masalah untuk meneruskan persekolahan.
- D Keluarga Pak Mail tidak mendapat bantuan daripada pihak berwajib.

2. Apakah tindakan Pak Mail supaya Hayati dapat menyambung pelajaran?

- A Pak Mail mencadangkan Hayati tidak tinggal di asrama lagi.
- B Pak Mail meminta Hayati memohon bantuan daripada Guru Besar.
- C Pak Mail menasihati Fauziah supaya bekerja sebagai pengasuh kanak-kanak.
- D Pak Mail bertemu dengan Datuk Penghulu untuk menerangkan masalah mereka.



3. Yang berikut merupakan perwatakan Pak Mail yang terdapat dalam petikan drama, **kecuali**
 - A merendah diri.
 - B rajin berusaha.
 - C menyayangi ahli keluarga.
 - D menerima takdir dengan reda.
4. Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan drama tersebut?
 - A Peranan ketua kampung
 - B Kepentingan menuntut ilmu
 - C Kesan kematian ahli keluarga
 - D Menghargai pengorbanan keluarga